

**MASALAH TIDAK HADIR TANPA CUTI (THTC) ANGGOTA TENTERA.**

**SATU KAJIAN KES DI KAWASAN NEGERI PERAK**

**DARUL RIDZUAN**

**SHAHIDA BINTI MOHD SALLEH**

**RAJMI BIN AHMAD**

**ABD RAIS BIN ESA**

**KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERAK  
BANDAR BARU SRI MANJUNG SITIAWAN  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**1999**

## PENGHARGAAN

Bersyukur kami kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izinnyz kami telah berjaya menyiapkan kertas projek ini. Dalam menyiapkan kertas projek ini, tidak dapat dinafikan terdapat berbagai halangan yang telah ditempuh. Walaubagaimanapun atas kerjasama semua pihak yang telah memberikan bantuan, kami mengambil akesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga.

Terima kasih juga kami ucapkan kepada Encik Fauzi bin Haron, selaku penyelia yang banyak memberikan nasihat, tunjuk ajar, bimbingan, galakan dan kritikan yang membina sehingga selesaianya penulisan kertas projek ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga juga di tujukan kepada Yang Berbahagia Panglima 2 Briged Iaitu Brigediar Jeneral Mohd Raih bin Haji Ismail yang telah membenarkan kami untuk membuat penulisan ke atas tajok kertas projek ini. Tidak lupa kepada semua Pegawai Memerintah pasukan-pasukan di bawah naungan 2 briged yang telah membantu kami mendapatkan respondan-responden. Kepada semua anggota tentera yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kami juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga.

Jasa dan dorongan yang diberi akan tetap dikenang dan dihargai. Semoga kita sama-sama diberkati Allah S.W.T.

Sekian.

Abd Rais bin Esa

Rajmi bin Ahmad

Shahida binti Mohd Salleh

## Sinopsis

Masalah Tidak hadir Tanpa Cuti (THTC) di dalam Angkatan Tentera Malaysia telah menjadi satu masalah disiplin yang melibatkan anggota dan ianya akan mencerminkan satu budaya yang tidak sihat jika tidak dibendung. Sekiranya masalah ini tidak diatasi, ianya akan menjelaskan imej serta mutu perkhidmatan khususnya Tentera Darat Malaysia. langkah-langkah sewajarnya harus diambil bagi mencari jalan penyelesaian dan mencari punca apakah yang menyebabkan THTC ini berlaku dikalangan anggota tentera. Dalam menghadapi cabaran alaf baru, sewajarnya kejadian-kejadian yang melibatkan disiplin anggota tentera tidak seharusnya berlaku dan usaha-usaha gigih perlu diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

## **ISI KANDUNGAN**

### HALAMAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS (BAHASA MALAYSIA)	iii
SINOPSIS (BAHASA INGGERIS)	iv
ISI KANDUNGAN	v-vii
JADUAL KANDUNGAN	viii
RAJAH KANDUNGAN	ix
DAFTAR KEPENDEKAN	x

### **BAB**

#### **I PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan Dan Pernyataan Masalah	1
1.2 Objektif Kajian	2
1.3 Metodologi	3
1.3.1 Kepuasan Hati Dalam Kerjaya	3
1.3.2 Keberkesanan Kemudahan Asas	3
1.3.3 Pendapat Anggota	3
1.3.4 Profil Respondan	3
1.4 Hipotesis	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Sekatan dan masalah	8
1.7 Organisasi Kajian	8

### **BAB**

#### **II MOTIVASI DAN TEORI-TEORI KEPUASAN KERJA**

2.1 Pengenalan	10
2.2 Motivasi dan Kepimpinan	10
2.2.1 Teori Pengisian	11
2.2.2 Teori Proses	11
2.2.3 Teori pengukuhan	11
2.3 Konsep Kepuasan Kerja	11
2.4 Teori Kepuasan Kerja	13
2.5 Teori Maslow's Hierarchy Of Needs	14
2.5.1 Tahap Pertama	14

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan Dan Pernyataan Masalah**

Bagi menghadapi cabaran di dalam perang atau sebagai angkatan ‘deterrent’ terhadap ancaman yang mungkin dihadapi, Tentera Darat bukan sahaja perlu dilengkapi dengan persenjataan dan peralatan yang moden tetapi juga dengan anggota-anggota yang dedikasi dan profesional. Walau bagaimanapun dilema yang dihadapi oleh semua agensi termasuk Tentera Darat untuk mendapat anggota yang terbaik dengan bilangan yang secukupnya merupakan satu isu yang sukar diatasi. Anggota yang berkualiti tinggi sudah tentunya memperolehi dan menerima tawaran yang terbaik. Justru itu proses pengambilan anggota baru bagi Tentera Darat terpaksa membuat kompromi antara kuantiti dan kualiti.

Dalam kemelutan memperolehi tenaga kerja, Tentera Darat juga mengalami masalah untuk mengekalkan anggota-anggota yang sedia ada dan terlatih. Kadar anggota memohon untuk bersara dan berhenti awal kian meningkat dari masa ke semasa. Pasukan-pasukan pula menghadapi masalah kejadian Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC) yang juga merupakan salah satu faktor kepada meningkatnya bilangan anggota yang diberhentikan. Kejadian-kejadian seperti di atas menjadi penyumbang kepada meningkatnya kadar ‘turnover’ yang tinggi di dalam Tentera Darat.

Dewasa ini kadar kejadian THTC di pasukan-pasukan di bawah naungan 2 Briged telah meningkat. Tahap keseriusan kejadian THTC ini dapat dilihat seperti di Jadual 1. Didapati 90 peratus daripada anggota yang melakukan kejadian ini adalah dari kalangan angota-anggota baru yang berkhidmat 1 ke 3 tahun dan bujang. Kejadian seperti ini jika dibiarkan menular kemungkinan akan